

SINAR HARIAN (SENTRAL) 25 JUN 2016 M/S 40

## Tamar 4U ceriakan buka puasa pelajar UMP

KUANTAN - Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman (Peka) 2 Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil inisiatif mengedarkan buah kurma kepada hampir 100 penghuninya menerusi Program Tamar 4U di sini.

Pengarah Program Tamar4U, Muhammad Syarif Wira'i Abd Razak, 22, berkata, program julung kali diadakan di Kolej Kediaman 2 (KK2) itu sebahagian daripada aktiviti dirancang dalam menjayakan projek Semarak Ramadan @ KK2 sepanjang Ramadan.

"Edaran melibatkan hampir 100 rumah di kolej kediaman ini. Kami harap kurma percuma ini dapat menghidupkan lagi sunnah berbuka dengan tamar seperti dianjurkan Nabi Muhammad SAW," katanya.



Peka UMP mengagihkan kurma percuma kepada penghuni kolej kediaman itu.